

SYARAT-SYARAT PERMIT SEMENTARA PENJAJA (PSP) COVID 19.

- i. Permit terhad kepada satu orang di satu lokasi sahaja (Penjaja yang mempunyai lesen sedia ada tidak dibenarkan memohon).
- ii. Kadar Permit Sementara adalah RM 10 sebulan. Pembaharuan Permit adalah pada setiap bulan. Mulai 15 Mei 2021 hingga tempoh 6 bulan SAHAJA.
- iii. Keutamaan kepada pemastautin /penduduk yang menetap di Ipoh.
- iv. Jualan secara bungkus sahaja("take away").
- v. Pemohon hendaklah sentiasa berada di tapak.
- vi. Tiada warga asing dibenarkan terlibat di dalam aktiviti perniagaan.
- vii. Peniaga hendaklah mendapatkan Suntikan Anti Typhoid (makanan dan minuman sahaja).
- viii. Tidak dibenarkan sama sekali membina sebarang struktur kekal/ semi kekal . Hanya meja lipat di atas dan Saiz kanopi / tapak 8'x8' sahaja.
- ix. Tidak dibenarkan meletakkan kerusi/ meja untuk pelanggan.
- x. Memastikan kebersihan di sekitar tapak perniagaan semasa dan selepas perniagaan.
- xi. Menyediakan tong sampah yang bertutup secukupnya di sekitar lokasi perniagaan.
- xii. Memastikan tiada sampah sarap di tinggalkan selepas tamat masa perniagaan.
- xiii. Tidak dibenarkan mencuci peralatan di tapak perniagaan.
- xiv. Mengosongkan tapak perniagaan selepas waktu perniagaan.
- xv. Mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM dan MKN.
- xvi. Pemegang permit tertakluk kepada UUK Penjaja Dan Gerai (Majlis Bandaraya Ipoh) 2020
- xvii. Majlis Bandaraya Ipoh tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan dari penjaja atau orang awam sekiranya berlaku kemalangan, kerosakan , atau kehilangan harta benda atau nyawa yang di hadapi oleh penjaja atau orang awam akibat daripada pengeluaran Permit Sementara Penjaja ini.
- xviii.** Tapak permohonan aktiviti perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar Ipoh.
- xix.** Bagi tapak dalam tanah / kawasan persendirian/ bangunan / kompleks kerajaan perlu mendapat kebenaran pemilik atau pihak pengurusan.

xx. Bagi jualan makanan dan minuman :

-Aktiviti menggoreng / memasak dalam skala kecil adalah dibenarkan dengan syarat hanya penggunaan satu (1) tungku dapur sahaja . Contoh:

pisang goreng , keropok lekor dan burger.

xxi. Buah-buahan . Dalam skala kecil sahaja

** Peniaga hendaklah menyediakan tong sampah dan memastikan tiada sampah/ sisa di tinggalkan di tapak perniagaan dan hendaklah dibuang di tempat yang di khaskan oleh pihak Majlis.

xxii. Jualan yang tidak di benarkan :

- a. Barangan kering seperti pakaian, kasut dan sebagainya.
- b. Barangan basah / mentah seperti ikan, sayur dan sebagainya.
- c. Barangan kawalan seperti tembakau, bahan letupan, mercun, “vape”, alcohol dan lain-lain yang menyalahi Undang-Undang ,
- d. Perkhidmatan dan sewaan seperti “kiddy ride” , urutan, judi, gunting rambut, basikal dan sebagainya.

xxiii. Sesi perniagaan yang boleh dipilih :

- a. Sesi Pagi: 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi,
- b. Sesi Tengahari: 11.00 pagi sehingga 3.00 petang
- c. Sesi Petang :3.00 petang sehingga 7.00 petang
- d. Sesi Malam: 7.00 petang sehingga 10.00 malam.

** Tertakluk kepada arahan semasa kerajaan .